




KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam dalam buku ini tidak boleh dicetak semula, disalin atau dipindahkan bentuk dengan apa jua cara sekalipun sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

**Pengerusi**

Noorhasimah Binti Kassim  
Pengarah Kolej Komuniti Penampang

**Timbalan Pengerusi**

Jacinta @ Caroline Peter  
Timbalan Pengarah Kolej Komuniti Penampang

**Editor**

Vun Jing Shu  
Mohamed Rafiq Ghazali

**Ahli Jawatankuasa Panel Pengumpul Laporan**

Vun Jing Shu (Muka Surat 33-65)  
Mohamed Rafiq Ghazali (Muka Surat 66 – 103)  
Mohd Suhairi Bin Mohd Shariff (Muka Surat 1-32)  
Corine Binti Ahlai @ Eric (Muka Surat 104-126)

**Tel : 088-760951**

**Faks : 088-760954**

**Laman Rasmi : <https://kkpenampang.mypolycc.edu.my/>**

**Diedarkan Oleh :**

Kolej Komuniti Penampang

**Diurus Cetak Oleh :**

Kolej Komuniti Penampang

**e ISSN 2735-072X**





KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



KOLEJ KOMUNITI  
PENAMPANG

# LAPORAN TAHUNAN

## 2019

# ISI KANDUNGAN

LATAR BELAKANG	1
PERUTUSAN PENGARAH	4
SALAM TIMBALAN PENGARAH	5
CARTA ORGANISASI	6
LAPORAN PENCAPAIAN PEMARKAHAN KESELURUHAN KPI	7
LAPORAN UNIT SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN	11
LAPORAN UNIT SIJIL TEKNOLOGI SENIBINA	17
LAPORAN UNIT PENGAJIAN UMUM	25
LAPORAN UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT	33
LAPORAN UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	39
LAPORAN UNIT PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN	44
LAPORAN UNIT KUALITI	50
LAPORAN UNIT PENGAMBILAN PELAJAR	59
LAPORAN UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR	66
LAPORAN UNIT KOLABORASI DAN KEUSAHAWANAN	80
LAPORAN UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT	92
LAPORAN UNIT PERPUSTAKAAN	97
LAPORAN UNIT MULTIMEDIA DAN KORPORAT	104
LAPORAN UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN PROMOSI	113
LAPORAN UNIT PEMBANGUNAN	120
SIDANG REDAKSI	126
LAGU KOLEJ KOMUNITI	127

## LATAR BELAKANG

### *Sejarah*

Kolej Komuniti Penampang Sabah (KKPPG), Kementerian Pendidikan Malaysia adalah Kolej Komuniti ke lapan ditubuhkan di Negeri Sabah. Kolej ini telah disempurnakan perasmianya oleh Yang Berhormat Tan Sri Bernard Gilok Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, yang juga Ahli Parlimen P174 Penampang, Sabah pada 2 Mei 2013. Kolej Komuniti Penampang ini telah memulakan pengoperasiannya pada 01 Julai 2013 dengan membuat persiapan dan kerja-kerja awal pengoperasian. Ia terletak di alamat Lot 5-8, Blok B, Wisma Malakun, Jalan Ramayah-Putatan, 89500 Penampang, Sabah. Berkedudukan diantara Pekan Donggongan dan Pekan Putatan. Berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dengan jarak 10 km dan 20 km dari Bandaraya Kota Kinabalu.


Sumber utama penduduk setempat suatu ketika dulu ialah pertanian tetapi pada hari ini tertumpu kepada aktiviti perkhidmatan awam dan swasta, perniagaan, pengangkutan dan pembinaan. Berdasarkan fakta tersebut bertepatanlah dengan kursus yang telah dipilih untuk dilaksanakan di kolej kini iaitu Sijil Pengoperasian Perniagaan dan Sijil Teknologi Senibina. Sehingga kini Kolej Komuniti Penampang telah melahirkan seramai 285 graduan. Parlimen P174 Penampang juga mempunyai keluasan 411.47 km persegi dan mempunyai lebih daripada 130,000 penduduk dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 4-5 %. Ia dibahagikan kepada dua kawasan ADUN iaitu N19 Kepayan dan N20 Moyog.

## VISI

MENJADI PENERAJU INSTITUSI TVET YANG UNGGUL

## MISI

- Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf
- Memperkasa komuniti melalui dan pembelajaran sepanjang hayat
- Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang
- Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## PETA LOKASI



### Kolej Komuniti Penampang

Lot 5-8 Blok B, Jalan  
Ramayah-Putatan, 89500  
Penampang, Sabah

Tel : 088 760951  
Fax : 088 760954



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Selamat Sejahtera

Alhamdulillah kerana Kolej Komuniti Penampang berjaya menerbitkan Laporan Tahunan Komuniti Penampang 2019. Laporan ini merekodkan pencapaian perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat dan disediakan di Kolej Komuniti Penampang.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan rasa bangga dan penghargaan kepada seluruh warga Kolej Komuniti Penampang (KKPPG) di atas komitmen dan sumbangan yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2019.

Banyak pencapaian memberansangkan telah berjaya dicapai hasil kerjasama padu semua warga KKPPG selama ini. Antara pencapaian berkenaan adalah pengiktirafan dan pengakreditasian program-program sijil KKPPG oleh MQA dan kejayaan kursus-kursus yang dijalankan untuk komuniti Sabah khususnya daerah Penampang. Bagi tahun 2019 telah melihat kegemilangan ini diteruskan dengan pencapaian KPI setinggi 99.22%,



Tujuan saya menyebut pencapaian ini adalah untuk menegaskan bahawa KKPPG telah melepassi fasa pertama pembangunannya. Kejayaan ini adalah merupakan hasil usaha yang gigih dan komitmen yang tinggi yang diberikan oleh semua warga KKPPG.

Namun begitu, kejayaan yang dicapai ini tidak seharusnya mewujudkan perasaan terlalu selesa kerana banyak lagi perkara yang perlu dilaksanakan bagi mencapai visi dan misi KKPPG. Justeru usaha mengukuhkan asas kecemerlangan institusi perlu dilipatgandakan terutama dari segi pembangunan tenaga akademik.

Akhir kata saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa yang telah berjaya menghasilkan Laporan Tahunan Kolej Komuniti Penampang. Semoga penerbitan ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak.

PUAN NOORHASIMAH BINTI KASSIM K.B.P.A  
PENGARAH  
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

## **SALAM TIMBALAN PENGARAH**

Syukur kepada tuhan maka KKPPG dapat melaksanakan program dan aktiviti yang telah dirancang untuk tahun 2019. Program yang dijalankan adalah untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat sekitar melalui tawaran kursus sepenuh masa yang diiktiraf oleh kerajaan dan kursus pendek disamping meningkatkan ilmu dan kemahiran modal insan supaya masyarakat khususnya penduduk Penampang terus berdaya saing dan berdaya maju.


Pada tahun 2019 KKPPG secara keseluruhannya telah berjaya menjalankan fungsinya hasil kerjasama seluruh warga KKPPG yang diberikan, dalam usaha kita memperkasakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) sebagai satu daripada bidang utama pendidikan tinggi negara KKPPG diharap terus memberi perhatian dengan usaha yang berterusan melalui jalinan jaringan bersama industri dan institusi luar.

Pencapaian cemerlang sepanjang 2019 merupakan manifestasi daripada kerja sepasukan yang ditunjukkan oleh seluruh warga dan komuniti KKPPG. Pengurusan KKPPG mengucapkan terima kasih atas curahan bakti sepanjang tahun pentadbiran ini terutamanya Ahli Majlis Tertinggi KKPPG yang berperanan dalam menentukan hala tuju strategik organisasi ini.


Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua warga KKPPG atas sokongan dan pendapat yang diberikan untuk memajukan institusi. Syabas juga diucapkan kepada seluruh warga KKPPG kerana telah memberi perkhidmatan yang cemerlang.




**PUAN JACINTA @ CAROLINE PETER  
TIMBALAN PENGARAH  
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG.**



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019






**LAPORAN TAHUNAN  
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG  
TAHUN 2019**

# **LAPORAN PENCAPAIAN PEMARKAHAN KESELURUHAN KPI**



---


**KOLEJ KOMUNITI  
PENAMPANG  
2019**



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## MARKAH KESELURUHAN KPI KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG 2019 **99.22**







# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

# 99.22

## MARKAH KESELURUHAN KPI KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG 2019

BILANGAN KERTAS PENYELIDIKAN TVET YANG DITERBITKAN	KPI 25	3 / 2
BILANGAN PROGRAM ATAU AKTIVITI YANG MELIBATKAN ALUMNI	KPI 23	3 / 3
BILANGAN PENYERTAAN PROGRAM PSH BAGI SETIAP INSTITUSI PADA TAHUN SEMASA	KPI 22	2451 / 840
BILANGAN INDUSTRI YANG MENGHASILKAN KOLABORASI BERIMPAK TINGGI	KPI 21	2 / 2
PERATUS PPPT YANG MENGIKUTI PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT DALAM TAHUN SEMASA	KPI 14	21.43% / 5%
PERATUS PRESTASI PEMBAYARAN BIL DALAM TEMPOH TUJUH (7) HARI DARIPADA DOKUMEN LENGKAP DITERIMA	KPI 12	98.06% / 100%
BILANGAN AKTIVITI LEAN MANAGEMENT DI JABATAN / INSTITUSI	KPI 10	2 / 2





**LAPORAN TAHUNAN  
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG  
TAHUN 2019**

# **LAPORAN UNIT-UNIT**

## **KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG**


# **UNIT SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN (SPP)**

## **PENGENALAN**

Sijil Pengoperasian Perniagaan adalah salah satu program yang membolehkan pelajar mendapat pengetahuan dan kemahiran bukan sahaja secara teori bahkan juga secara amali dalam bidang perakaunan, kewangan dan perniagaan. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi itu nanti dapat membantu dan mampu menyediakan pelajar ke alam pekerjaan mahupun melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Antara lain, program ini dapat melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan:

- Penyediaan rekod-rekod perakaunan daripada dokumen sumber dan seterusnya menyediakan Laporan Kewangan berpandukan kitaran perakaunan yang lengkap.
- Pengendalian kos pengeluaran, buku tunai runcit, dan penyata aliran tunai dengan menggunakan peralatan-peralatan dengan betul dan selamat dan mempraktikkan kaedah, metodologi dan teknik dengan sesuai dan tertib dalam melaksanakan tugas.
- Melaksanakan aktiviti sokongan pemasaran, pengiklanan, promosi jualan dan sokongan jualan dengan betul dan mempraktikkan kaedah, metodologi dan teknik yang sesuai dan tertib dalam melaksanakan tugas.
- Melibatkan diri dalam pembangunan maklumat dan keusahawanan.
- Menggunakan pengetahuan dan kemahiran asas keusahawanan di dalam bisnes secara professional dan beretika.
- Menunjukkan kerjasama dan kemahiran interpersonal dan sosial semasa merancang dan melaksanakan tugas.



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

- Mengamalkan kemahiran mengumpul maklumat dan pembelajaran kendiri dan sepanjang hayat.
- Menyampaikan pengetahuan bagi isu kontemporari dan mengenal pasti keperluan bagi pembelajaran sepanjang hayat.
- Berkommunikasi secara berkesan, bersikap profesional dan bertanggungjawab di dalam persekitaran kerja berkumpulan.


## OBJEKTIF

- Menghasilkan tenaga kerja dan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran selari dengan keperluan semasa dan hasrat negara.
- Menunjukkan kebolehan penyelesaian masalah secara inovatif, kreatif serta mengurus maklumat dengan baik melalui pendekatan pembelajaran sepanjang hayat.
- Mempunyai kemahiran berkommunikasi dengan berkesan dan bekerjasama dengan kumpulan berasaskan etika kerja serta tanggungjawab sosial.



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## CARTA ORGANISASI UNIT SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN (SPP)





**LAPORAN TAHUNAN  
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG  
TAHUN 2019**

## **TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2019**

BIL	TAKWIM AKTIVITI	TARIKH PERLAKSANAAN
1.	Kajian Pasaran di sekitar Pasar Besar Kota Kinabalu	24 Jan 2019
2.	Mesyuarat Unit SPP Bil.1/2019	20 Feb 2019
3.	Projek Keusahawanan di Tamu Donggongan	07 Mac 2019
4.	Jualan Amal SPP / Car Booth Sale	21 Mac 2019
5.	Mesyuarat Unit SPP Bil.2/2019	13 Mei 2019
6.	Mesyuarat Unit SPP Bil.3/2019	18 Sept 2019
7.	Lawatan ke Premis Perniagaan/Industri di Farm Bay Enterprise, Tuaran	26 Sept 2019
8.	Team Building SPP	12 Okt 2019
9.	Kajian Pasaran di My Nurul Homestay, Papar	12 Okt 2019
10.	Mesyuarat Unit SPP Bil.4/2019	19 Nov 2019



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## GAMBAR AKTIVITI SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN (SPP)




KAJIAN PASARAN DI SEKITAR PASAR BESAR KOTA KINABALU



PROJEK KEUSAHAWANAN DI TAMU DONGGONGON



JUALAN AMAL SPP/ CAR BOOT SALE



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019



## LAWATAN KE PREMIS PERNIAGAAN/INDUSTRI DI FARM BAY ENTERPRISE, TUARAN



## TEAM BUILDING SPP



## KAJIAN PASARAN DI MY NURUL HOMESTAY, PAPAR

## **UNIT SIJIL TEKNOLOGI SENIBINA PENGENALAN**

Program Sijil Teknologi Senibina merupakan satu program kemahiran yang menumpukan kepada penghasilan lukisan teknikal dalam bidang senibina berdasarkan kehendak Undang-undang Kecil Bangunan Seragam dan Pihak BerkuasaTempatan. Pelajar akan diberi pengetahuan dan kemahiran tentang teknik penghasilan lukisan secara manual dan dengan menggunakan perisian komputer seperti Autocad, Autodesk Revit, Google Sketchup dan Adobe Photoshop. Selain itu, pelajar juga diberi pengetahuan dan kemahiran menghasilkan model bangunan.

### **OBJEKTIF**

- Menghasilkan tenaga kerja dan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran selari dengan keperluan semasa dan hasrat negara.
- Menunjukkan kebolehan penyelesaian masalah secara inovatif, kreatif dan kerja berpasukan melalui pendekatan pembelajaran sepanjang hayat.
- Mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan berkesan , menguruskan maklumat dengan baik dan bekerjasama dengan kumpulan berasaskan kerja serta tanguungjawab social



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## KEMUDAHAN UNIT TEKNOLOGI SENIBINA

### STUDIO SENIBINA

Studio Senibina ini boleh menempatkan pelajar seramai 30-40 orang dalam satu-satu masa (ianya hanya digunakan oleh pelajar senibina sahaja) mengikut jadual yang telah ditetapkan.

### MAKMAL KOMPUTER 1 DAN 2

Makmal Komputer Senibina ini adalah makmal computer yang terdapat asset Kolej Kolej Komuniti Penampang terutama peralatan dan perisian adalah di bawah seliaan Unit ICT dengan kerjasama Unit Teknologi Senibina. ( penggunaan MK ini juga digunakan oleh umum dan perlu dimaklumkan kepada pihak berkaitan ).

### BILIK KULIAH 3

Terdapat bilik kuliah 3 untuk digunakan oleh pelajar bagi tujuan Pdp serta memberi kemudahan kepada aktiviti berkaitan ( ruang ini dapat menampung pelajar seramai 30 orang sahaja ).


### BILIK PERSEDIAAN DAN SPRAY

Ruang ini adalah tempat untuk pelajar membuat persediaan projek, dimana pelajar dapat membuat kerja seperti mengecat, spray dan sebagainya untuk setiap kali projek berkaitan Pdp.



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## CARTA ORGANISASI SIJIL TEKNOLOGI SENIBINA





**LAPORAN TAHUNAN  
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG  
TAHUN 2019**

**TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN  
TAHUN 2019**

BIL	TAKWIM AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN
1.	Mesyuarat Program Teknologi Senibina Bil 1/2019	22 Feb 2019
2.	Mesyuarat Program Teknologi Senibina Bil 2/2019	02 Mei 2019
3.	Portfolio Day Sesi Dis 2018	02 April 2019
4.	CSR – Projek Lanskap	05 - 07 Feb 2019
5.	Mesyuarat Program Teknologi Senibina Bil 3/2019	21 Jun 2019
6.	Lawatan kerja dan Projek Asas Lukisan Terukur Sesi Jun 2019	23 - 27 Jul 2019
7.	Ceramah dari Industri bersama Unit Latihan Industri KKPPG	26 Sept 2019
8.	Portfolio Day Sesi Dis 2019	15 Okt 2019
9.	Team Building STS Tahun 2019	16 Okt 2019
10.	CSR - Projek Mural KKPPG	17 -28 Okt 2019
11.	Mesyuarat Program Teknologi Senibina Bil 4/2019	08 Nov 2019

LAPORAN TAHUNAN  
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG  
TAHUN 2019

GAMBAR AKTIVITI  
UNIT SIJIL TEKNOLOGI SENIBINA



PORTFOLIO DAY SESI DISEMBER 2018



CSR – PROJEK LANSKAP  
PROJEK SIMEN FERO DAN DEKORASI TANAMAN POKOK



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019



Ketua program berkumpul dengan para pelajar sebelum memulakan perjalanan ke Kuala Lumpur (KKIA – KLIA)



Program lawatan ke Kolej Komuniti Selayang, Selangor.



Projek Asas Lukisan Terukur kumpulan 1



Projek Asas Lukisan Terukur kumpulan 2



Program Archi-scape towards future bersama pelajar dan pensyarah Kolej Komuniti Penampang dan PoliSIS.



Sesi dialog bersama dengan pensyarah dari Kolej Komuniti Sabak Bernam, Selangor.



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019



Melawat Menara JKR Kuala Lumpur  
dan  
Sesi penyerahan sijil daripada pihak  
Kolej Komuniti Penampang kepada  
penolong pengurus skybridge dan  
Bangunan KLCC



Sesi penyerahan sijil daripada Kolej  
Komuniti Penampang kepada  
penolong pengurus skybridge dan  
Bangunan KLCC

## LAWATAN KERJA DAN PROJEK ASAS LUKISAN TERUKUR SESI JUN 2019



Pelajar STS Semester 3



Pelajar STS Semester 2



Pelajar STS Semester 2



Sesi Perbentangan / Team STS  
KKPPG



## PORTFOLIO DAY SESI DISEMBER 2019

# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019



## TEAM BUILDING STS TAHUN 2019



## CSR - PROJEK MURAL / DECO KKPPG

## **UNIT PENGAJIAN UMUM PENGENALAN**

Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) diperkenalkan yang bertujuan melakukan penambahbaikan dari struktur Mata Pelajaran Wajib yang lebih berstruktur ke arah mempertingkatkan kualiti modal insan sejajar dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Di samping itu, melalui struktur MPU ini,mampu melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuankan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi kebolehpasaran kerja dan seterusnya kebolehdapatan kerja.

Kursus MPU yang ditawarkan di Kolej Komuniti Penampang ialah:

- I. MPU1311 PENDIDIKAN ISLAM 1
- II. MPU1321 PENDIDIKAN MORAL 1
- III. MPU1231 KEMAHIRAN INSANIAH
- IV. MPU1181 COMMUNICATIVE ENGLISH
- V. SKW1102 APLIKASI KOMPUTER
- VI. MPU1131 PENDIDIKAN ISLAM 2
- VII. MPU1341 PENDIDIKAN MORAL 2
- VIII. MPU1411 KO KURIKULUM (KELAB)
- IX. MPU1101 WORKPLACE ENGLISH
- X. MPU1421 KO KURIKULUM (SUKAN)
- XI. MPU1152 PENGAJIAN MALAYSIA 1
- XII. MPU1222 KEUSAHAANAN

## **OBJEKTIF**

Melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dan pelbagai aktiviti yang membentuk pelajar melalui penerapan nilai kerohanian, nilai kemurnian Islam sangat bagi kehidupan seharian pelajar dan alam kerjaya, berketerampilan dan sahsiah pelajar dan alam kerjaya, berketerampilan dan sahsiah yang baik selari dengan Falsafah Pendidikan Negara.



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## CARTA ORGANISASI UNIT PENGAJIAN UMUM



NOORHASIMAH BINTI KASSIM  
PENGARAH DH48 (M)



JACINTA @ CAROLINE PETER  
TIMBALAN PENGARAH DH44



GRISHA HENRY WILLIAM  
PENSYARAH DH 41 - KP MPU



VUN JING SHU  
PENSYARAH DH44



MIMI TUMBALON  
PENSYARAH DH32



CORINE BINTI AHLAI @ ERIC  
PEG. PENGAMBILAN DH44 (M)



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2019

BIL	TAKWIM AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN
1.	Mesyuarat Unit MPU Bil. 1	1 Feb 2019
2.	Pertandingan Sukan <ul style="list-style-type: none"><li>- Pertandingan Futsal</li><li>- Pertandingan Ping Pong</li><li>- Pertandingan Badminton</li><li>- Pertandingan Bola Tampar</li></ul>	22 Mac 2019 27 Mac 2019 28 Sept 2019 28 Sept 2019
3.	Lawatan Akademik <ul style="list-style-type: none"><li>- Program Explore N' Develop!</li><li>- Program Jelajah to Ponohuan Rainforest</li><li>- Lawatan Akademik 4P (Place, Product, Promotion, Price)</li><li>- Kembara to Monurali Stream Garden</li></ul>	16 - 17 Mac 2019 30 - 31 Mac 2019 24 Sept 2019 27 Sept 2019
4.	Mesyuarat Unit MPU Bil. 2	20 Jun 2019
5.	Program Grooming Pelajar <ul style="list-style-type: none"><li>- Program Pemantapan Penulisan Resume dan Temuduga bagi Pelajar Semester 3 Sesi Jun 2019</li></ul>	14 Okt 2019
6.	Program Peningkatan Kendiri <ul style="list-style-type: none"><li>- Program Gear Up MPU: Program H.E.L.P</li></ul>	21 Sept 2019
7.	Mesyuarat Unit MPU Bil. 3	23 Ogos 2019
8.	Lawatan Warisan & Kebudayaan <ul style="list-style-type: none"><li>- Program Gear Up MPU: Lawatan Warisan &amp; Kebudayaan</li></ul>	25 Sept 2019
9.	Program Kemerdekaan dan Hari Malaysia	10 - 13 Sept 2019
10.	Program CSR <ul style="list-style-type: none"><li>- Program Gear Up MPU: Program Save Our Planet</li></ul>	1 Okt 2019
11.	Mesyuarat Unit MPU Bil. 2	20 Nov 2019
12.	Ceramah Keagamaan <ul style="list-style-type: none"><li>- Ceramah Maulidur Rasul 2019</li></ul>	20 Dis 2019



**LAPORAN TAHUNAN  
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG  
TAHUN 2019**

**GAMBAR AKTIVITI  
UNIT PENGAJIAN UMUM**



**PERTANDINGAN FUTSAL**



**PERTANDINGAN PING PONG**





# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## PROGRAM EXPLORE N' DEVELOP!




## PROGRAM JELAJAH TO PONOHUAN RAINFOREST



## PROGRAM PEMANTAPAN PENULISAN RESUME DAN TEMUDUGA (PELAJAR SEMESTER 3 SESI JUN 2019)



## PROGRAM GEAR UP MPU: PROGRAM H.E.L.P



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019




## PROGRAM GEAR UP MPU: LAWATAN AKADEMIK 4P (PLACE, PRODUCT, PROMOTION, PRICE)



## PROGRAM GEAR UP MPU: LAWATAN WARISAN DAN KEBUDAYAAN



## PROGRAM GEAR UP MPU: KEMBARA TO MONURALI STREAM GARDEN



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019



## PROGRAM GEAR UP MPU: PENGELOLAAN PERTANDINGAN BADMINTON



## PROGRAM GEAR UP MPU: PENGELOLAAN PERTANDINGAN BOLA TAMPAR



## PROGRAM GEAR UP MPU: PROGRAM SAVE OUR PLANET



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019



## CERAMAH MAULIDUR RASUL 2019

# **UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)**

## **PENGENALAN**

Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Penampang telah menyediakan dan melaksanakan pelbagai kursus jangka pendek kepada semua lapisan golongan masyarakat tanpa mengira jantina, umur, agama dan juga taraf pendidikan. Pelaksanaan kursus pendek adalah untuk membentuk komuniti yang lebih dinamik, menyediakan peluang kepada agensi kerajaan dan agensi swasta dan industri bagi meningkatkan pengetahuan serta taraf sosio ekonomi melalui program pembelajaran sepanjang hayat yang fleksibel dan mudah alih (mobile).

Penyertaan program PSH khususnya kursus jangka pendek di Kolej Komuniti Penampang Sabah amat menggalakkan setiap tahun sejak kolej komuniti ini mula beroperasi pada tahun 2014. Antara kursus jangka pendek yang menerima sambutan dan permintaan ramai adalah kursus masakan, pastry, jahitan, kecantikan serta kelas agama. Kebanyakkan kursus pendek yang dijalankan di Kolej Komuniti Penampang dilaksanakan pada hujung minggu dan dijalankan pada hari bekerja bergantung pada pemintaan. Peserta kursus pendek terdiri daripada agensi jabatan kerajaan, persatuan, agensi swasta dan masyarakat setempat khususnya di daerah Penampang.

## OBJKTIF

- Menganjur dan menyedia program pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan komuniti berpengetahuan (*k-communities*) ;
- Menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran (*up-skilling*) dan melatih semula (*re-skilling*) untuk keperluan tenaga kerja setempat;
- Menyediakan rangkaian strategik (*strategic networking*) untuk pengukuhan aktiviti sosio-ekonomi di kalangan pelanggan setempat dan pemegang taruh (*stakeholder*);
- Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pilihan yang berpusatkan komuniti.


## KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN DISEDIAKAN

- Menyediakan kemudahan ruang bagi pelaksanaan kursus pendek seperti dapur masakan, ruang yang selesa untuk menjahit, bilik kuliah untuk kelas agama dan bahasa serta makmal komputer untuk kursus yang melibatkan modul teknikal dan sebagainya
- Menyediakan kemudahan peralatan untuk pelaksanaan kursus pendek seperti oven, mixer, pengukus elektrik, perkakasan dapur, mesin jahit portable, mesin jahit tepi, komputer dan sebagainya.



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## CARTA ORGANISASI UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT





# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2019

BIL	TAKWIM AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN
1.	Kursus Pendek	Sepanjang Tahun
2.	Karnival PSH 2019	5 & 6 Okt 2019
3.	Bengkel FRP PSH dan Epsh	3 Nov 2019
4.	FRP PSH Beres 2019	Dis 2019

Sepanjang tahun 2019, Unit PSH Kolej Komuniti Penampang telah berjaya menganjurkan 139 kursus, 2447 peserta yang terdiri daripada 117 orang peserta lelaki dan 2330 orang peserta wanita. Antara kursus yang mendapat sambutan penyertaan yang ramai adalah kursus masakan, pastri, jahitan serta kecantikan. Selain itu, Unit PSH telah melaksanakan Bengkel FRP PSH dan EPSH serta Bengkel FRP PSH Beres ke atas pensyarah yang terlibat.

Secara keseluruhannya, perancangan Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat telah berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Di samping itu, peningkatan peserta dari tahun ke tahun amat menggalakkan dengan adanya promosi secara berterusan melalui laman web dan Facebook Kolej Komuniti Penampang. Diharapkan kursus-kursus yang dianjurkan dapat memberi impak yang tinggi kepada peserta dan juga Kolej Komuniti Penampang untuk melahirkan usahawan dan membantu masyarakat setempat dari segi sosio ekonomi masing-masing.



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## GAMBAR AKTIVITI UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)



KURSUS PENDEK JAHITAN  
SULAMAN REBEN BERSAMA  
PELAJAR PPKI SMK DATUK PETER  
MONJUNTIN




KURSUS PENDEK MUFFIN  
COKLAT CHIP BERSAMA  
PELAJAR PPKI SMK DATUK  
PETER MONJUNTIN



KURSUS PENDEK JAHITAN JUBAH  
ABAYA BERSAMA PELAJAR  
SEKOLAH TAHFIZ



KURSUS PENDEK ANEKA  
MARUKU BERSAMA ASNAF  
NEGERI SABAH



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019



KURSUS PENDEK PENGHASILAN  
KEK KEJU LELEH DAN KEK COKLAT  
MOIST



KURSUS PENDEK PENGHASILAN  
KEROPOK LEKOR



KURSUS PENDEK PENGHASILAN  
CHEESE TART



KURSUS PENDEK PENGHASILAN  
NASI BERIANI

## **UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN PENGENALAN**


Bahagian Pentadbiran dan Kewangan berfungsi untuk merancang, melaksana dan memantau aktiviti pentadbiran am, pengurusan sumber manusia dan sumber kewangan serta memberi khidmat sokongan kepada semua kakitangan dan lain-lain bahagian Kolej Komuniti Penampang.

Selain daripada itu fungsi unit pentadbiran termasuklah mengurus penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan pejabat, pendaftaran fail-fail terbuka dan dokumen-dokumen terperingkat, perolehan dan pengurusan stor pentadbiran. Unit ini juga bertanggungjawab atas kebersihan dan penyelenggaraan bangunan, penerimaan serta penghantaran surat-surat dan bungkusan-bungkusan.

Fungsi unit Kewangan termasuklah menguruskan belanjawan mengurus, dan urusan pembayaran dan perolehan melalui pembelian terus dan sebutharga.

Tanggungjawab unit pentadbiran juga termasuklah menguruskan berkenaan sumber manusia yang bertanggungjawab dalam urusan-urusan perlantikan, pengesahan lantikan, pengesahan jawatan dan perjawatan selain hal-hal perkhidmatan pegawai seperti permohonan cuti, pertukaran dan kenaikan pangkat serta tindakan tatatertib dan lain-lain.

Selain itu Unit Pentadbiran Dan Kewangan Kolej Komuniti Penampang juga bertanggungjawab untuk pengurusan aset selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 untuk menguruskan aset-aset dan stor jabatan ini.



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019


## OBJEKTIF

- Memberi khidmat sokongan pentadbiran kepada Kolej Komuniti Penampang.
- Membantu mempertingkatkan pembaharuan sistem pentadbiran jabatan.
- Merancang, mengurus dan mengawal kewangan dan perakaunan.
- Mengurus dan mengawal peruntukan bagi belanja mengurus dan pembangunan.
- Merancang, mengurus dan mengawasi hal ehwal sumber manusia.
- Mengurus, merancang dan mentadbir hal ehwal perjawatan.
- Memastikan unit-unit di bawah kawalan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan, Akta Tatacara Kewangan dan pekeliling-pekeliling.
- Membangun dan membuat penambahbaikan ke atas prosedur dan proses kerja dari masa ke semasa.
- Menghadiri pemeriksaan Belanjawan Tahunan.
- Membentang laporan berkaitan dengan kewangan dan perakaunan kepada pihak atasan.
- Menganggotai Jawatankuasa Sebutharga Kolej Komuniti Penampang.



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## CARTA ORGANISASI PENTADBIRAN DAN KEWANGAN





**LAPORAN TAHUNAN  
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG  
TAHUN 2019**

## **TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2019**

BIL	TAKWIM AKTIVITI 2018	TARIKH PELAKSANAAN
1.	Mesyuarat JKPAK dan JPKA	2 Jan 2019
2.	Mesyuarat Belanjawan Mengurus Suku - 1	14 Jan 2019
3.	Mesyuarat JKPAK dan JPKA	1 April 2019
4.	Mesyuarat Pengurusan bil 2 2018	24 Mei 2019
5.	Penyemakan Fail Pentadbiran dan Kewangan	01-10 Mei 2019
6.	Penyemakan Buku Rekod Perkhidmatan	01-10 Jun 2019
7.	Mesyuarat JKPAK dan JPKA	1 Jul 2019
8.	Mesyuarat JKPAK dan JPKA	1 Okt 2019
9.	Penyemakan Fail Pentadbiran dan Kewangan	01-10 Nov 2019
10.	Penyemakan buku rekod perkhidmatan	01-10 Dis 2018
11.	Mesyuarat Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) Tahun 2020	5 Dis 2018



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## GAMBAR AKTIVITI PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



LAWATAN YAYASAN DANA KEBAJIKAN MUSLIM MALAYSIA (YDKMM) SABAH



PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA HARI KRISMAS 2019



LAWATAN AKADEMIK & KEBUDAYAAN TKCEP



KURSUS KESELAMATAN PERLINDUNGAN (FIZIKAL, DOKUMEN DAN PERIBADI)

## **UNIT PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN PENGENALAN**

Unit Peperiksaan dan Penilaian Kolej Komuniti Penampang merupakan suatu pusat yang bertanggungjawab untuk melaksanakan segala urusan dan aktiviti peperiksaan kolej. Unit ini diketuai oleh Pegawai Peperiksaan dan dibantu oleh Penyelaras Peperiksaan bagi setiap program. Unit Peperiksaan ini ditubuhkan bertujuan untuk menyelaras semua aktiviti-aktiviti berkaitan penilaian yang dijalankan di kolej-kolej komuniti.

### **OBJEKTIF**

- Merancang, menyedia dan menyelaras program-program aktiviti penilaian dan peperiksaan.
- Mengeluarkan dan mengedarkan arahan, peraturan dan pekeliling berkaitan dengan penilaian dan peperiksaan.
- Menerima, merekod dan menyimpan semua dokumen-dokumen atau borang berkaitan dengan penilaian dan peperiksaan.
- Memastikan semua keperluan asas peperiksaan disediakan.
- Menyediakan laporan keputusan peperiksaan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Kolej.
- Menyediakan dan mengedarkan semua keputusan peperiksaan yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Kolej dan Jawatankuasa Peperiksaan yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti (slip, transkrip atau sijil)



LAPORAN TAHUNAN  
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG  
TAHUN 2019

## CARTA ORGANISASI UNIT PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN



NOORHASIMAH BINTI KASSIM  
PENGARAH DH48 (M)



JACINTA @ CAROLINE PETER  
TIMBALAN PENGARAH DH44



VUN JING SHU  
PENSYARAH DH44



FEUNA ANASIUS JOITUN  
PENSYARAH DH41 - KP SPP



MOHD SUHAIRI BIN HJ MOHD SHARIFF  
PENSYARAH DH42 (M) - KP STS




# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2019

### SESI DISEMBER 2018

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN / TARikh TUTUP	TINDAKAN / CATATAN
01	Daftar kelas aktif dan Daftar Pensyarah Kelas dalam i-SEMS	11 Dis 2018	Pegawai Peperiksaan
02	Daftar Kursus Pelajar dalam i-SEMS	12 Dis 2018	Pensyarah Kelas
03	Daftar Kursus / LA mengajar	12 Dis 2018	Pensyarah Kursus
04	Menerima senarai nama pendaftaran daripada TP	13 Dis 2018	TP
05	Menerima laporan peratus kehadiran pelajar pertengahan semester daripada TP	14 Dis 2018	TP
06	Penilaian / Penggantian Kelas / Kemaskini Folio Pelajar / Moderasi (PA/PB) / Penilaian Latihan Industri	14 April 2019	TP / KP / Pensyarah Kursus
07	Minggu Akhir Pemarkahan (Lock System)	19 April 2019	Pensyarah Kursus / Pegawai Peperiksaan
08	Analisis CLO & PLO	26 April 2019	Pensyarah Kursus
09	Mesyuarat JK Peperiksaan Kolej Komuniti Penampang	29 April – 3 Mei 2019	Pegawai Peperiksaan
10	Pensyarah kursus menghantar hardcopy salinan kehadiran, penilaian PB dan penilaian keseluruhan daripada sistem i-sems@cc yang telah disahkan oleh TP ke unit peperiksaan	6 Mei 2019	Pensyarah Kursus



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019



SESI JUN 2019

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN / TARikh TUTUP	TINDAKAN / CATATAN
01	Daftar kelas aktif dan Daftar Pensyarah Kelas dalam i-SEMS	2 Jul 2019	Pegawai Peperiksaan
02	Daftar Kursus Pelajar dalam i-SEMS	2 Jul 2019	Pensyarah Kelas
03	Daftar Kursus / LA mengajar	2 Jul 2019	Pensyarah Kursus
04	Menerima senarai nama pendaftaran daripada TP	3 Jul 2019	TP
05	Menerima laporan peratus kehadiran pelajar pertengahan semester daripada TP	4 Jul 2019	TP
06	Penilaian / Penggantian Kelas / Kemaskini Folio Pelajar / Moderasi (PA/PB) / Penilaian Latihan Industri	25 Okt 2019	TP / KP / Pensyarah Kursus
07	Minggu Akhir Pemarkahan (Lock System)	1 Nov 2019	Pensyarah Kursus / Pegawai Peperiksaan
08	Analisis CLO & PLO	8 Nov 2019	Pensyarah Kursus
09	Mesyuarat JK Peperiksaan Kolej Komuniti Penampang	11 - 15 Nov 2019	Pegawai Peperiksaan
10	Pensyarah kursus menghantar hardcopy salinan kehadiran, penilaian PB dan penilaian keseluruhan daripada sistem i-sems@cc yang telah disahkan oleh TP ke unit peperiksaan	18 Nov 2019	Pensyarah Kursus



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## GAMBAR AKTIVITI UNIT PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN



BENGKEL SEMAKAN DATA LULUSAN JUN 2019 DIAINTARA KOLEJ  
ZON SABAH

4 JULAI 2019 DI BILIK MESYUARAT, KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019



## GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ KOMUNITI NEGERI SABAH TAHUN 2019

21 SEPTEMBER 2019 DI DEWAN SMK(J) TIONG HUA, SANDAKAN, SABAH

BIL	PROGRAM	LULUSAN KONVO TAHUN 2019		
		KOHORT 13	KOHORT 14	JUMLAH
1	SIJIL PEROPERASIAN PERNIAGAAN	11	30	41
2	SIJIL TEKNOLOGI SENIBINA	28	35	63
JUMLAH LULUSAN MENGIKUT KOHORT		39	65	104

## **UNIT KUALITI PENGENALAN**

Unit Kualiti (UK) bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan kualiti di Kolej Komuniti Penampang. Ia ditubuhkan pada Oktober 2018 dan mula berkait aktif pada tahun ini setelah satu Jawatankuasa Unit Kualiti ditubuhkan. Unit ini berperanan dalam mengurus dan menyelaras dalam aplikasi sistem pengurusan kualiti secara efisyen dan sistematik selaras dengan keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kedua-dua sijil yang ditawarkan oleh Komuniti Penampang telah mendapat akreditasi penuh MQA pada tahun 2016.

Fungsi utama UK adalah memastikan pengurusan kualiti Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) dapat dilaksanakan mengikut keperluan standard akreditasi. UK juga berfungsi aktif dalam perancangan, pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan program/aktiviti pengurusan kualiti yang diadakan di kolej. Selain itu, UK juga sentiasa memberi perkhidmatan/bantuan dalam pengurusan kualiti kepada staf dan pensyarah.

### **OBJEKTIF**

- Meningkatkan Sistem Pengurusan Kualiti KKPPG
- Mengelakkan pengiktirafan program oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## CARTA ORGANISASI UNIT KUALITI



NOORHASIMAH BINTI KASSIM  
PENGARAH DH48 (M)



JACINTA @ CAROLINE PETER  
TIMBALAN PENGARAH DH44



VUN JING SHU  
PENSYARAH DH44



MIMI TUMBALON  
PENSYARAH DH32



BETSY VINE  
PEG. PEMBANGUNAN PELAJAR DH44



DG NURSHAZANA BINTI DAUD  
PENSYARAH DH41



NORSAZLINA BINTI ALI ABAS  
PENSYARAH DH29



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2019

BIL	PROG / AKTIVITI YANG DIRANCANG	TARIKH PELAKSANAAN	CATATAN
1	Program 'FRP Beres'	14 – 15 Mei 2019	Pengemaskinian FRP untuk ditutup
2	Lawatan Penanda Aras ke Politeknik Kota Kinabalu	18 Jun 2019	Membaikpulih sistem kualiti yang sedia ada ke arah aliran yang lebih teratur dan strategik
3	Bengkel Penyediaan FRP dan SRKP	21 Jun 2019	Pendedahan penyediaan FRP dan SRKP
4	Lawatan Kesepunyaan Dan Keserakahan Edisi 2 / 2019	7 Ogos 2019	Penambahbaikan sistem kualiti kolej selepas lawatan audit luaran dari JPPKK
5	Bengkel Penyediaan CQI Kursus	20 Nov 2019	Penyediaan CQI Kursus bagi sesi Jun 2019
6	Program 'FRP Beres'	27 Nov 2019	Pengemaskinian FRP untuk ditutup
7	Bengkel Penyediaan FRP dan SRKP	03 Dis 2019	Pendedahan penyediaan FRP dan SRKP




# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## GAMBAR AKTIVITI UNIT KUALITI




PROGRAM 'FRP BERES'



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019




## LAWATAN PENANDA ARAS



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019



## BENGKEL PENYEDIAAN FRP DAN SRKP



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019



LAWATAN KESEPUHYAAN DAN KESERAKAHAN, EDISI 2/ 2019



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## PROGRAM 'FRP BERES'



## BENGKEL PENYEDIAAN CQI KURSUS





# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## BENGKEL PENYEDIAAN FRP DAN SRKP



# UNIT PENGAMBILAN

## PENGENALAN

Unit Pengambilan adalah merupakan satu pusat yang bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas-tugas pengambilan dan pendaftaran pelajar bagi program sepenuh masa. Unit ini diketuai oleh Pegawai Pengambilan dan dibantu oleh Penyelaras Pengambilan.

## OBJEKTIF

### 1. Urusan melaksana dan menyelaras dasar dan halatuju

- Melaksana dan menyelaras dasar-dasar pelaksanaan pengambilan pelajar yang telah ditetapkan oleh kementerian, jabatan dan kolej
- Menyediakan ABM untuk aktiviti Unit Pengambilan Pelajar
- Urusan penyediaan Pelan Strategik dan Takwim Aktiviti Pengambilan Pelajar

### 2. Urusan pengambilan pelajar

- Mengurus dan menyelaras pengambilan pelajar
- Menyediakan laporan statistik kemasukan pelajar
- Menerima dan mengurus rayuan pelajar

### 3. Urusan Pendaftaran dan Borang Kemasukan

- Mengurus dan menyelaras pendaftaran pelajar
- Mengurus borang kemasukan pelajar
- Menyediakan laporan statistik pendaftaran pelajar

### 4. Urusan Data dan Rekod

- Mengurus dan menyimpan data dan rekod fail peribadi pelajar
- Mengemaskini data dan rekod pelajar dari masa ke semasa



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## CARTA ORGANISASI UNIT PENGAMBILAN



NOORHASIMAH BINTI KASSIM  
PENGARAH DH48 (M)



JACINTA @ CAROLINE PETER  
TIMBALAN PENGARAH DH44



CORINE BINTI AHLAI @ ERIC  
PEG. PENGAMBILAN DH 44 (M)



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2019

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN
01.	Jerayawara Jom Masuk Kolej Komuniti Intake Jun 2019 (Pengumuman SPM 2018)	14 Mac 2019
02.	Hari Pendaftaran Sesi Jun 2019	25 Jun 2019
03.	Karnival PSH	5 & 6 Okt 2019
04.	Jalinan Mesra Kolej Komuniti Penampang bersama Komuniti luar	11, 13 & 25 Nov 2019
05.	Jerayawara Jom Masuk Kolej Komuniti Intake Disember 2019	15 Nov – 6 Dis 2019
06.	Hari Pendaftaran Sesi Disember 2019	04 Dis 2019

## ENROLMEN PELAJAR TAHUN 2019

PROGRAM	KELAYAKAN KEMASUKAN	ENROLMEN	
		JUN	DISEMBER
SIJIL TEKNOLOGI SENIBINA (STS)	SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)	48 ORANG	83 ORANG
SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN (SPP)	SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)	75 ORANG	52 ORANG
JUMLAH KESELURUHAN		123 ORANG	135 ORANG




**LAPORAN TAHUNAN  
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG  
TAHUN 2019**

**GAMBAR AKTIVITI  
UNIT PENGAMBILAN**




**PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI JUN 2019**



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019




## PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI DISEMBER 2019



# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019

## GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI PROMOSI PENGAMBILAN SEPANJANG TAHUN 2019





# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2019



## **UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR PENGENALAN**

Unit pembangunan pelajar merupakan satu bahagian yang terpenting dalam pentadbiran hal ehwal pelajar. Unit ini diketuai oleh seorang ketua unit yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal pelajar dan mengurus selia, perancangan dan pelaksanaan aktiviti pelajar, disiplin, kesukaran, kebudayaan, penginapan, bantuan kewangan serta pinjaman pelajaran, dan kebijakan pelajar.

Unit ini merupakan pemangkin ke arah pembentukan pelajar yang progresif, dinamik, cemerlang, berwibawa dan berketrampilan melalui pelaksanaan program pembangunan insan yang menekankan keseimbangan aspek akademik & kokurikulum. Kedua-dua aspek ini merupakan elemen penting yang saling melengkapi dalam proses membangunkan potensi diri pelajar dalam usaha melahirkan graduan yang berkualiti, seimbang dan berupaya untuk terus maju melalui pembelajaran yang berterusan.

### **OBJEKTIF**

- Menguatkuasa peraturan disiplin dan sahsiah pelajar mengikut Akta 173 dan Peraturan Tatatertib
- Am Pelajar.
- Menyediakan perkhidmatan berkaitan keperluan biasiswa pelajar/ pinjaman dan bantuan kewangan pelajar, serta insuran pelajar.
- Menyelaras dan melaksana aktiviti pembangunan pelajar, minggu suaikenal, kebijakan pelajar,
- Aktiviti ko-kurikulum, khidmat masyarakat dan jawatankuasa Perwakilan Pelajar.
- Memastikan kegiatan berpersatuan/kelab melalui Jawatankuasa Perwakilan Pelajar

## KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN DISEDIAKAN

### ▪ **Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKKPK)**

Bantuan kewangan ini diberikan kepada pelajar Kolej Komuniti yang berpendapatan isi rumah kurang dari RM3000 bagi membantu sedikit-sebanyak mengurangkan bebanan membayar Yuran Pengajian serta perbelanjaan pembelajaran sepanjang berada di Kolej Komuniti.

### ▪ **Insuran**

Setiap pelajar yang berdaftar dengan Kolej Komuniti wajib untuk diinsurankan di bawah perlindungan Etiqa Takaful yang merangkumi sebarang kemalangan atau kematian.

### ▪ **Bimbingan dan Kaunseling**

Perkhidmatan Bimbingan dan kaunseling yang diberikan dapat membantu meningkatkan potensi yang sedia ada dalam diri mereka. Unit ini juga memberi khidmat pencegahan iaitu menghindarkan pelajar daripada terlibat dalam perbuatan salahlaku seperti tidak berdisiplin, penggunaan dadah, laku musnah, peras ugut, menyertai pertubuhan haram dan lain-lain. Selain itu memberi khidmat pemulihan dengan tujuan mengorientasikan semula pelajar yang bermasalah peribadi, pelajaran, kerjaya dan sosial supaya mampu menghadapi dan mengatasi masalah mereka. Tidak ketinggalan juga memberi khidmat kaunseling krisis kepada individu yang memerlukan dan terakhirnya memberi khidmat kaunseling bersifat penggayaan, pemulihan, pencegahan dan pengembangan kepada ekonomi setempat.

### ▪ **Peralatan Sukan & Permainan**

Contohnya seperti permainan ping-pong, chess, carom dan dart bagi Indoor Games dan peralatan sukan seperti set bola Petanque, bola tampar, bola futsal, bola sepak takraw dan bola jaring


### ▪ **Kelab / Persatuan**

